

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

04 FEB 2017

SABTU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	JALAN 'TERKENA BOM' PERLU DITURAP	2
SINAR HARIAN	TERIMA KASIH MPPG	3



SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • SABTU 4 FEBRUARI 2017

DPT 8001-8110 • KELAS C DINAH KONSEP

HUBUNGI SKUDU SENTRAL NORSHIKIN MOHD SALLEH - 019-7906798

JOHOR

37

Jalan 'terkena bom' perlu diturap

Keadaan penuh lopak bahayakan penduduk yang berulang-alik gunakan laluan itu

AZIZAH INCHE HARUN

PASIR GUDANG - Penduduk Taman Sierra Perdana, di sini menggesa pihak berkeraan agar tamip membina jalan Sierra Perdana 5 dengan lebih sempurna dan selesa.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sierra Perdana A, Shahriah Ismail berkata, ini berikutan permohonan jalan menuju ke surau berhampiran terlalu lebur dan berlopak besar.

Menurutnya, situasi itu sangat membahayakan penduduk yang berulang-alik menunaikan solat berjemaah di surau berkeraan terutamanya pada waktu malam dan musim hujan.

"Kalau musim hujan jalan ini bukan sahaja lebak, malah berisiko mengundang kemalangan kepada penduduk apabila jalan yang berlopak dipenuhi air dan permukaan jalan yang agak licin."

"Tambah pada waktunya Magrib,

isyak dan Subuh memang jalan agak gelap sangat membimbangkan penduduk yang kebanyakannya memungang motosikal ke surau," katanya.

Shahriah berkata, jalan berkenaan semakin hari semakin terikur berpuncak daripada lori yang keluar masuk ke tapak projek perumahan baharu yang sedang dalam pembinaan.


Menurutnya, pihak berkeraan sepatutnya tidak mengabaikan soal kemanduran infrastruktur penduduk terutama apabila membabitkan soal keselamatan orang ramai.

"Kita minta permukaan jalan seperti terkena bom ini diturap semula kerana kerokannya semakin teruk.

"Cukuplah dengan beberapa kes penduduk terbiasa dan terjatuhan daripada motosikal selepas terlanggar lubang kerana kita tak mahu sehingga ada yang terkorban," katanya.



Shahriah menunjukkan keadaan jalan yang terpaksa digunakan penduduk setiap hari ke surau berhampiran.



SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • SABTU 4 FEBRUARI 2017

SENTRAL

Terima kasih MPPG

Tindakan bersihkan sampah sisa bangunan dihargai

AZIZAH INCHE HARUN

PASIR GUDANG - Tindakan segera pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) membersihkan sampah sisa bangunan yang dibuang di tengah jalan Sierra Perdana 5 pada Selasa lalu sangat dihargai penduduk.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sierra Perdana A, Shahriah Ismail berkata, ahli jawatankuasanya (AJK) akan sentiasa membuat pemantauan bagi mengesan individu tidak bertanggungjawab yang suka mengambil kesempatan membuang sampah sepuasnya.

Menurutnya, pihaknya berharap perkara serupa tidak akan berulang kerana ia menyusahkan orang ramai.

"Sebelum ini AJK kita pernah menahan dan merampas kunci lori yang sedang membuang sampah sisa bangunan di tanah kosong berhampiran.

"Kita minta mereka mengutip semula sampah yang dibuang di situ sebelum memberi amaran agar tidak lagi melakukan perkara sama," katanya.

Sinar Harian Isnin lalu menyiarangkan kemarahan penduduk ekoran sikap am-



Longkokan sampah di tengah jalan telah dibersihkan oleh pihak MPPG.

bil mudah pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah sisa bangunan di tengah jalan.

Longkokan sampah berkenaan bertaburan di atas

permukaan jalan lebih kurang jam 7 pagi Jumaat lalu sehingga hampir dilanggar kenderaan yang melalui jalan itu untuk susur ke Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL).

